

## **Pembanggang terus salahkan polis**

**Utusan Online**

**30 April, 2012**

**Oleh AZHARI ZAINOoddin**

KUALA LUMPUR 29 April - Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menyelar dan menyalahkan pihak polis di atas kekecohan serta keganasan yang berlaku semasa perhimpunan haram Bersih 3.0 semalam.

Biarpun dalam perhimpunan itu beberapa anggota polis dan petugas media mengalami kecederaan, Ketua Menteri Pulau Pinang itu tetap angkuh dengan menuding jari menyalahkan pihak berkuasa yang bertugas menjaga keamanan negara.

Katanya, tindakan keras pasukan polis terhadap peserta perhimpunan dan tangkapan rambang yang dilakukan didakwa menjadi punca tercetusnya kekecohan dan keganasan.

"Kami mengecam tindakan pihak polis itu kerana ia tidak sesuai dengan keadaan ketika perhimpunan. Hanya segelintir yang merempuh untuk memasuki kawasan Dataran Merdeka tetapi mengapa ada tangkapan dilakukan di lokasi lain?"

"Tindakan itu jelas tidak berdisiplin dan polis juga menyerang peserta, menangkap dan memecahkan kamera petugas media kerana tidak mahu kekerasan mereka dilihat masyarakat antarabangsa," katanya pada sidang akhbar di Pulau Pinang, hari ini.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mahukan pihak polis menjelaskan berkenaan tindakan menangkap beberapa petugas media.

"Pihak polis harus bertanggungjawab terhadap semua keganasan yang berlaku semalam," tegasnya.

Sementara itu, dengan nada sama, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang menerusi blog <http://blog.limkitsiang.com> menggesa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) agar segera melakukan siasatan terhadap tindakan polis melepaskan gas pemedih mata.

Jelasnya, tindakan itu menyebabkan berlakunya ketegangan dalam kalangan peserta demonstrasi.

"Polis tetap ambil tindakan terhadap peserta walaupun keadaan sudah beransur reda, malah, ada segelintir peserta mula bergerak untuk pulang.

"Keganasan dan sikap buruk polis ditunjukkan lagi dengan insiden memukul petugas media," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0430&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0430&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm)